



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 3 JUN 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RISIKO TERHADAP KESELAMATAN MAKANAN NEGARA, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 20	LAIN – LAIN
2.	MUSIM CUTI SEKOLAH LONJAK JUALAN RAJA BUAH BALIK PULAU, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 11	
3.	GAJAH LIAR MUSNAHKAN TANAMAN DI KAMPUNG GOL, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 11	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Risiko terhadap keselamatan makanan negara

Pajakan sawah tanpa dokumen sah sukarkan usaha capai sasaran 75 peratus Tahap Sara Diri beras

Oleh Fahmy A Rosli

Fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pajak sawah tanpa dokumen hitam putih boleh mengakibatkan kerajaan kehilangan maklumat sebenar mengenai penanaman dan pengeluaran padi, sekali gus menyukarkan usaha mencapai sasaran Tahap Sara Diri beras sebanyak

Katanya, isu terbabit tidak boleh dilihat semata-mata sebagai urusan ekonomi di antara pemilik tanah dan penyewa, sebaliknya kegiatan itu dibimbangi berisiko mencetuskan kesan besar terhadap keselamatan makanan, keberkesanan dasar pertanian, kelangsungan industri padi negara, termasuk membuka ruang ketirisan subsidi.

Wujud tiga masalah utama

"Pajakan tidak berdaftar mewujudkan tiga masalah utama iaitu data pengeluaran yang tidak tepat, ketirisan subsidi kepada pengusah asing dan kecenderungan sawah ditukar kepada tanaman lain mengikut harga pasaran.

"Apabila kerajaan tidak mempunyai maklumat tepat mengenai siapa yang mengusahakan sa-

Pajakan sawah tanpa dokumen hitam putih buka ruang ketirisan subsidi kepada pengusah asing.



wah dan berapa hasil dikeluarkan, perancangan bekalan makanan negara menjadi kurang berkesan.

"Ketirisan subsidi pula bukan isu teknikal kecil kerana turut mengganggu keberkesanan Dasar Agromakanan Negara," katanya kepada *BH* semalam.

Norsida Man

Beliau berkata, demikian mengulas pendedahan *BH* mengenai trend kebanyakan pesawah veteran dan tidak aktif memajak sawah mereka kepada warga asing tanpa sebarang perjanjian bertulis yang sah atau kebenaran pihak berkuasa.



Ekoran itu, Norsida tidak menolak kehadiran keberuntungan kepada warga asing dalam sektor padi negara mewujudkan risiko jangka panjang terhadap kestabilan bekalan makanan negara.

"Risiko kedua ialah kegagalan pemindahan pengetahuan kepada generasi Kemahiran agronomi dan pengurusan sawah tidak diwarisi menyebabkan negara mungkin berdepan defisit modal insan dalam sektor padi dalam tempoh 15 hingga 20 tahun akan datang," katanya.

Musim cuti sekolah lonjak jualan raja buah Balik Pulau

Oleh SAFINA RAMLI
utusannews@mediamulla.com.my

BALIK PULAU: Musim cuti sekolah bersekalikan dengan cuti umum pada tahun ini memberi limpahan rezeki kepada peniaga durian di Balik Pulau apabila permintaan terhadap raja buah itu meningkat dengan ketara sejak beberapa minggu lalu.

Pengusaha durian, Mohamad Hakimi Abdul Hamid berkata, kehadiran pelancong dan pengunjung dan dalam serta luar Pulau Pinang menyebabkan jualan durian di premis YB Durian Balik Pulau di Jalan Tun Sardon di sini meningkat berbanding hari biasa.

Menurutnya, sambutan yang diterima sepanjang musim cuti sekolah amat menggalakkan sehingga bekalan durian tertentu tidak mampu memenuhi permintaan pelanggan.

“Memang sambutan agak ramai sepanjang cuti sekolah ini. Permintaan juga berganda dan kadang-kadang sampai durian pun tidak cukup untuk memenuhi permintaan pelanggan,”



ORANG ramai menyerbu premis jualan YB Durian Balik Pulau di Jalan Tun Sardon, Balik Pulau, Pulau Pinang sempena cuti sekolah. - UTUSAN/SAFINA RAMLI

katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Beliau berkata, antara varieti yang paling mendapat perhatian penggemar durian ialah Udang

Merah, Black Thorn dan Musang King yang terus menjadi pilihan utama pengunjung.

Katanya, walaupun harga durian premium kekal pada kadar dan Musang King antara yang

paling dicari pelanggan. Harga pula sekitar RM40 hingga RM52 sekilogram bergantung kepada varieti dan bekalan semasa,” ujarnya.

Mengulas mengenai bekalan buah, Mohamad Hakimi berkata, pengeluaran durian pada tahun ini masih berada pada tahap baik walaupun musim bermula lebih awal berbanding kebiasaan.

Menurutnya, pengeluaran buah tidak berlaku serentak sebaliknya melalui beberapa peringkat yang membantu memastikan bekalan dapat diteruskan sepanjang musim.

“Kalau nak kata kurang, tidak juga. Cuma pengeluaran buah berlaku dalam tiga hingga empat peringkat dan sekarang ini kami berada dalam peringkat kedua,” katanya.

Sementara itu, Mohamad Hakimi berkata, peningkatan jumlah pengunjung paling ketara dapat dilihat pada hujung minggu dan cuti umum apabila ramai mengambil peluang membawa keluarga menikmati durian segar di Balik Pulau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
03/6/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Gajah liar musnahkan tanaman di Kampung Gol

JERANTUT: Dua pekebun mengalami kerugian dianggarkan RM20,000 apabila kawanan gajah liar 'naik minyak' dengan memusnahkan tanaman pisang dan kelapa di Kampung Gol, mukim Tembeling Tengah di sini.

Kawanan gajah liar tersebut dipercayai antara tiga hingga empat ekor yang menceroboh masuk ke kawasan kebun dan penempatan penduduk sebanyak tiga kali selepas Hari Raya Aidiladha bermula pukul 1 pagi termasuk terakhir pada pukul 3 pagi semalam.

Pekebun, Jamaluddin Mahmod, 56, berkata, ketika ke-

jadian, ketika sedang tidur, salah seorang ahli keluarganya terdengar bunyi pokok pisang dipatahkan di kebun berdekatan rumah.

"Saya berjaga sehingga waktu Subuh dan tidak mampu menghalau kawanan gajah liar yang sedang memulas dan memijak batang pisang dan kelapa bimbang dengan risiko keselamatan.

"Ketika bangun pagi, saya bersama adik dan ketua kampung melihat tanaman pisang dan kelapa musnah dilanyak haiwan liar ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.



JAMALUDDIN Mahmod menunjukkan sebahagian daripada 106 batang pokok pisang yang musnah dipijak gajah liar di Kampung Gol di Jerantut, Pahang. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD